

BAB 2 TG 4: SUMBANGAN TAMADUN Pemerintahan dan Pentadbiran

Tamadun Yunani: Ciri-ciri demokrasi di Athens. (TOV)•

1. Jenis-jenis pentadbiran di negara kota Yunani seperti: Sistem Monarki , oligarki, aristokrasi, diktator atau tirani, demokrasi
2. Demokrasi dilaksanakan di Athens. Di Athens wujud Dewan Perhimpunan dan Majlis.
3. Lelaki Athens berpeluang jadi ahli – 6 bulan hingga 1 tahun.
4. Dewan Perhimpunan bersidang 3 kali setahun. Bincang dasar kerajaan. Keputusan Dewan dilaksanakan Ahli Majlis dilantik Dewan Perhimpunan. Begitu juga Magisterit dan Juri.

Tamadun Rom: ciri-ciri republik di Rom•

1. Bermula dengan sistem beraja. Raja berkuasa mutlak berketurunan Estruscan (bukan latin tempatan). Raja keturunan Estrcan zalim dan tidak disenangi masyarakat Latin tempatan. Rakyat dan golongan bangsawan (Partrician) menentang raja dan mewujudkan kerajaan Republik.
2. Kerajaan Republik tiada kuasa mutlak. Kuasa tertinggi diberi pada dua Konsul agar tiada pemusatan kuasa. Senat dilantik untuk membantu konsul dalam tempoh tertentu. Senat di wakili bangsawan.
3. Sebelum ahli senat dilantik sebagai konsul, dia ialah Praeotor – pemerintah tentera.
4. Bawah Senat – Dewan Perhimpunan – wakili semua rakyat Rom. Keputusan Senat di serah ke Dewan Perhimpunan untuk kelulusan.
5. Berubah dalam zaman Julius Ceasar. Wujud pemerintahan berpusat terbentk empayar . Rom takluk Macedonia, Yunani, Syria, Mesir, Perancis, Britain, dan beberapa wilayah Jerman. Julias menjadi Diktator.
6. Julius kuasai tentera dan senat – guna gelaran Maharaja. – Diteruskan oleh Augustus 27 – 14 sm. Bawa keamanan dan keagungan. Kekal 200 tahun – Digelar Pax Romana – Tiga Benua. – Asia, Afrika dan Eropah.

Tamadun Rom•

1. Mula 27sm pada zaman Augustus Caesar. Empayar berdasarkan Republik.
2. Meliputi – Britain, Sepanyol, kaw. Sungai Rhine, Danube, Laut Hitam, Pergunungan Atlas, Afrika Utara, Macedonia, Sebahagian Turki, dan Palestine.

Bincangkan cirri-ciri Pentadbiran Srivijaya dipengaruhi agama Hindu Buddha

1. Di Srivijaya dalam Pentadbiran pusat terdapat 4 kumpulan anak raja iaitu Yuvaraja, pratiyuvaraja , raja kumara dan raja putra
2. Seorang daripada 3 orang anak raja boleh menjadi raja kecuali raja putra kerana anak gundik.
3. Di bawah anak raja terdapat senapati iaitu ketua pentadbiran pusat.
4. Daerah ditadbir oleh golongan datu yang dilantik oleh raja iaitu parvanda (keturunan raja) & bhupati (orang kaya).

Pengaruh Hindu Buddha dalam bahasa Sanskrit

a) Keturunan Raja

1. Batu bersurat Kutei menjelaskan tentang keturunan raja.

b) Amaran Raja

1. Inskripsi di Palembang berkaitan dengan amaran raja kepada rakyat supaya tidak menderhaka.

c) Bidang Intelek

1. Meningkatkan pencapaian intelek masyarakat kerana batu bersurat mempunyai maklumat tentang undang-undang dan perintah raja.
- d) Kemahiran
 1. Membuktikan masyarakat tempatan mempunyai kemahiran yang tinggi memahat tulisan pada batu bersurat
- e) Dalam Bahasa Melayu
 1. Mengalami perubahan dalam bahasa Melayu spt dukkha-duka, manusa-manusia & dorhaka-derhaka. Perbendaharaan kata Bahasa Melayu bertambah akibat kemasukan bahasa Sanskrit.
- f) Ilmu dan Komunikasi
 1. Berkembang menjadi bahasa ilmu dan komunikasi kerajaan awal di Asia Tenggara.
- g) Kesusasteraan
 1. Kesusasteraan India spt Ramayana dan Mahabharata menyumbang kepada unsur mitos kesusasteraan klasik AT.
- h) Hikayat
 1. Mahabharata diadun unsur tempatan menjadi Hikayat Pandawa Lima dan Ramayana menadi Hikayat Seri Rama

BAB 4 TG 4: KERASULAN NABI MUHAMMAD, PENYEBARAN ISLAM, REAKSI MASYARAKAT ARAB TERHADAP ISLAM

KERASULAN NABI MUHAMMAD SAW.

1. Wahyu pertama Surah Al-Alaq ayat 1-5 – memerintah umat Islam membaca. Mula tamadun Islam yang bersandarkan ilmu.
2. Kepentingan pembacaan dari aspek Ilmu :
 - a. Pembacaan melahirkan masyarakat berilmu pengetahuan.
 - b. Bacaan menggalakkan kajian.
 - c. Bangsa yang maju ialah bangsa yang berilmu – ilmu hanya wujud jika masyarakat rajin membaca.
 - d. Kewujudan dan peningkatan tamadun adalah kerana penguasaan ilmu.
3. Wahyu kedua Surah Al-Muddasir ayat 1 –7. Mengistiharkan Muhamad sebagai rasul dan mewajibkan Nabi saw menyampaikan kepada masyarakat Arab Jahiliyah.
4. Cara pertama yang dilakukan ialah
 - a. Membetulkan akidah dan kehidupan masyarakatnya.
 - b. Menggesa meninggalkan amalan yang keji seperti penindasan pembunuhan dan mencuri.

Soalan KBKK

1. Beri pendapa anda, bagaimanakah kita dapat menanam semangat suka membaca di kalangan rakyat Malaysia.

Reaksi Masyarakat Arab Terhadap Islam

Peringkat awal tidak ambil tahu kerana hal keluarga. Bila ramai memeluk Islam mula proses penentangan terhadap Islam. Asasnya reaksi masyarakat Arab dapat dilihat melalui dua unsur:

Penerimaan Terhadap Islam

- a. Layanan yang saksama
- b. Kemurnian ajarannya.
- c. Kebijaksanaan dakwah Nabi saw secara lemah lembut dan berhikmah

- d. Seruan tanpa paksaan tetapi memujuk dengan menggunakan akal.
- e. Pendekatan yang baik seperti:
 - i. Membandingkan nilai akhlak jahiliyah dan nilai akhlak Islam.
 - ii. Pembacaan ayat suci Al-Quran untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan
 - iii. Penerangan dan teladan yang baik.
- f. Penyebaran dibuat dengan menanam kekuatan iman. Harta bukan matlamat , tetapi kesabaran dan pengorbanan
- g. Keperibadian Nabi saw yang berakhlak mulia.
- h. Nabi saw mempunyai kekuatan mental, fizikal, dan rohani

Penyelesaian masalah oleh Nabi Muhamad saw.

- 1. Penentangan terhadap Islam semakin meningkat setelah kematian Abu Talib dan Khadijah. Maka Nabi mengambil langkah tertentu. Antaranya ialah
 - a. Hijrah orang Islam ke Habsyah untuk dapatkan perlindungan.
 - b. Nabi dan Zaid bin Harithah ke Taif – kurang dapat sambutan.
 - c. Hijrah ke Madinah pada 622M

BAB 6 TG 4: KERAJAAN ABBASIYAH, PERTEMBUNGAN TAMADUN

Jelaskan Pembentukan Kerajaan Abbasiyah

- 1. Mula 750M ditaja oleh Ali bin Abdullah.
- 2. Peringkat awal sulit kemudian terbuka.
- 3. Gunakan kempen Ahlul Bait (Keluarga Nabi saw)
- 4. Pusat Operasi di Khurasan, Kufah dan Humaimah.
- 5. Diperkukuhkan dengan sokongan 2 pahlawan besar – Abu Salamah Al-Khallal di Kufah dan Abu Muslim al-Khurasani di Khurasan.
- 6. Ambil sempena nama bapa saudara Nabi saw – Al Abbas.
- 7. Amal sistem monarki iaitu warisan.
- 8. Zaman Abu Jaafar, pusat pemerintahan dipindahkan dari Syria ke Bagdad.
- 9. Berakhir dengan serangan tentera mongol pimpinan Hulagu Khan

Jelaskan Sumbangan Abbasiyah

- 1. Zaman kegemilangan dalam zaman Harun A-Rashid, dan Al Makmun.
- 2. Baghdad menjadi pusat intelektual dan penyebaran ilmu – melalui aktiviti terjemahan bahasa asing ke bahasa arab. Bahasa asing spt: Yunani, Sanskrit, Suriani .
- 3. Baitulhikmah – institusi keilmuan diasas oleh Harun Al Rashid – berkembang pada zaman al-Makmun Harun al rashid.
- 4. Kegiatan utama:
 - a. Terjemah ilmu falsafah dan sains, terutama dari Yunani.
 - b. Penulisan. 3 tahap kegiatan penulisan:
 - i. Catat segala idea atau percakapan
 - ii. Kumpul idea yang serupa atau kumpul hadis nabi dalam buku.
 - iii. Mengarang – lebih teliti kerana dicatat dan diatur ke dalam bab tertentu..
 - c. Penglibatan golongan ulama dalam penulisan – susun Hadis dan hasilkan buku fikah, tafsir, sejarah. Ulama terkenal spt Imam Malik (Al- Muwatta), Ibn ishaq (Sejarah hidup Nabi), Abu Hanifah (Fikah dan Itjihad), Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Shafei, Imam Ahmad Hanbal.
- 5. Wujud pemisahan dalam ilmu tafsir, sirah dan hadis.
- 6. Kelebihan terjemahan:

- a. Terjemahan turut buat perubahan karya asal. Hurai dan buat penambahbaikan dengan memuatkan keterangan dan ulasan.
- b. Peranan besar dalam kebudayaan dunia – pelihara ilmu daripada lenyap dan pupus kerana terima hasil penulisan daripada zaman gelap di Eropah.
- c. Penubuhan institusi Baitul Hikmah dapat tingkatkan kegiatan penyelidikan hingga ke Eropah , kemudian diterjemah ke bahasa asing dan memulakan kebangkitan Eropah dari zaman gelap.
6. Kesan perkembangan ilmu:
 - a. Mula zaman pemulihan budaya @ Renaissance di Eropah.
 - b. Tingkat pengetahuan manusia dan warisan ilmu yang tidak ternilai.
 - c. Keterbukaan dan kesediaan terjemah daripada bahasa asing bagi faedah umat Islam.
 - d. Cendekiawan Islam memperbaiki dan meningkatkan karya asal.
 - e. Berlaku percambahan dan perkembangan ilmu.

Soalan KBKK

1. Nyatakan usaha yang harus dilakukan untuk melahirkan masyarakat yang berilmu?

BAB 9 TG 4: ZAMAN GELAP. TOV Negeri Terengganu

Revolusi Pertanian

Sistem tanah di Britain

1. Tanah awam
2. Tanah milikan persendirian

Kesan Akta Pemagaran Tanah terhadap tuan tanah yang kaya.

Meluas	Tuan tanah memiliki tanah yang luas.
Bentuk ladang	Membentuk ladang pertanian.
Beli tanah	Golongan tuan tanah dapat membeli tanah awam.
Tanah dipagar	Semua tanah milik tuan tanah dapat dipagar.

Kesan Akta Pemagaran tanah terhadap petani-petani kecil

Kemampuan	Petani kecil tidak mampu memagari tanah.
Kos tinggi	Kos untuk memagar tanah tinggi.
Jual tanah	Petani terpaksa menjual tanah.
Kerja ladang	Terpksa bekerja di ladang milik tun tanah yang kaya.
Buruh kilang - bandar	Berhijrah ke bandar untuk menjadi buruh kilang.
Hilang rezeki	Petani kecil yang bergantung kepada tanah awam hilang punca rezeki.

Sebab berlaku Revolusi Pertanian di Britain.

Milik tanah dapat kelulusan – pagar	Perubahan dalam penggunaan dan pemilikan tanah persendirian setelah tuan tanah mendapat kelulusan Parlimen untuk memagar tanah awam bagi membolehkan penanaman secara ladang.
Pertambahan penduduk	Britain menghadapi pertambahan penduduk, menyebabkan permintaan hasil pertanian meningkat dan menyebabkan harga gandum meningkat.

Tanaman bergilir	Kaedah penanaman secara bergilir diperkenalkan oleh Lord Townshend dengan menanam pelbagai jenis tanaman secara berterusan sepanjang tahun.
Kesuburan tanah dijaga.	Melalui kaedah ini kesuburan tanah dapat dikekalkan kerana tanaman berbeza memerlukan nutrien yang berbeza serta tanah tidak dibiarkan kosong.
Tanaman baru.	Tanaman baru diperkenalkan seperti turnip dan ubi kentang.
Jentera pertanian	Terdapat alat yang dicipta oleh Jethro Tull untuk kegunaan menggali dan menugal serta penanaman biji benih dapat dilakukan dengan pantas.
Baja asli	Penggunaan baja asli secara meluas telah menjadikan tanaman lebih subur dan hasil pertanian meningkat.
Pemasaran produk – didagangkan.	Lebih produk dapat diperdagangkan melalui kaedah pemasaran yang meluas.

Kesan Revolusi Pertanian di Britain pada abad ke-18.

Punca ekonomi	Pertanian menjadi punca ekonomi negara.
Lebih dieksport	Lebih produk dieksport.
Peladang jadi pedagang	Para peladang besar menjadi pedagang antarabangsa.
Makanan mencukupi	Menyedikan makanan yang cukup kepada tenaga buruh industri di bandar.
Tuang tanah - tokoh	Kedudukan tuan tanah sebagai tokoh penting dalam masyarakat.
Pertanian skala besar	Muncul sistem ekonomi skala besar dengan pembukaan ladang pertanian membolehkan rakyat bekerja sebagai buruh ladang mewujudkan golongan buruh dan majikan.

Soalan KBKK

1. Pada pandangan anda, apakah usaha-usaha yang patut dilakukan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang berjaya dalam bio teknologi?

BAB 10 TG 4: PERBANDARAN, UNDANG-UNDANG TANAH

Apakah faktor yang membantu proses perbandaran?(ms.263-264)

Kata kunci	Huraian
Ekonomi	Pertambahan fungsi ekonominya
Penduduk	Pertambahan penduduk
Pelbagai	Menjalankan pelbagai fungsi seperti pusat pentadbiran/perbank/pusat kegiatan ekonomi
Kemudahan	Adanya kemudahan jalan raya/ bekalan air bersih/sekolah/bank/pusat kegiatan ekonomi
Strategik	Kedudukan strategik/menghubungkan beberapa buah bandar
Perhubungan	Kemajuan dalam sistem perhubungan
Pertanian	Perkembangan pertanian komersial/getah
Perlombongan	Faktor perlombongan- Perkembangan perlombongan bijih timah/minyak petroleum

pelabuhan	Kawasan pelabuhan
pengumpulan	Pusat pengumpulan dan pengeksport hasil seperti lada hitam/gambir

7. Fungsi bandar baru?(ms.263-264)

Kata kunci	Huraian
Ekonomi	Pusat kegiatan ekonomi penjajah
Lombong	Tempat pengumpulan hasil lombong
Keperluan	Tempat mendapatkan keperluan harian
Pentadbiran	Pusat pentadbiran
Perniagaan	Pusat perniagaan
Perbankan	Perbankan
Petempatan	Tempat pertempatan penduduk
Pengumpulan	Pusat pengumpulan hasil pertanian komersial
Penghubung	Tempat persimpangan dan penghubung beberapa bandar lain
Pelabuhan	Berperanan sebagai bandar pelabuhan

8. Pada pendapat anda, mengapakah pantai barat Tanah Melayu lebih pesat mengalami proses perbandaran berbanding pantai timur ?

Kata kunci	Huraian
Sumber	Pantai barat mempunyai banyak sumber semulajadi
Ekonomi	Pusat kegiatan ekonomi penjajah
Perlombongan	Banyak kawasan perlombongan di pantai barat
Komersial	Pertanian komersial juga banyak di pantai barat
Perniagaan	Banyak pusat perniagaan
Pentadbiran	Pusat pentadbiran awal penjajah
Kemudahan	Pelbagai kemudahan/infrastruktur
Pelabuhan	Memiliki pelabuhan

BAB 1 TG 5: BIROKRASI BARAT, NASIONALISME DI ASIA TENGGARA, NASIONALISME DI THAILAND

Perubahan yang dilakukan oleh Raja Mongkut terhadap sistem pentadbiran Thailand

- Melantik 80 orang penasihat barat mengetuai pelbagai jabatan
- Penasihat barat digunakan untuk melatih pegawai tempatan
- Penasihat Britain dalam kewangan, pelabuhan dan polis
- Penasihat Amerika dalam jabatan kastam
- Penasihat Perancis dalam ketenteraan

Sistem birokrasi yang diperkenalkan oleh Chulalongkorn di Thailand :

- Memperkenalkan majlis Penasihat rendah, majlis mesyuarat tinggi dan Kabinet menteri

- Melantik juruaudit dari Britain
- Pentadbir dilantik dalam kerajaan berdasarkan tahap pendidikan
- Memperkenalkan sistem raja berperlembagan menggantikan raja berkuasa mutlak
- Pengaruh pembesar tempatan dan raja dikurangkan.

Soalan KBKK

1. Bagaimana kita dapat mengelakkan penjajahan?
2. Senaraikan kesan buruk penjajahan?
3. Beri penilaian pentadbiran tradisonal atau birokrasi barat lebih baik

BAB 2 TG 5: GERAKAN ISLAH, AKHBAR DAN MAJALAH, PERSATUAN KMS, PASPAM, DAN KMM

► Apakah langkah-langkah yang diambil oleh British untuk menyekat perjuangan Kaum Muda.

1. British mengeluarkan undang-undang menyekat pengaruh kaum Muda di Negeri-Negeri Melayu.
2. Mengeluarkan undang-undang tidak membenarkan kegiatan dakwah Islam tanpa kebenaran Sultan.
3. Tidak membenarkan risalah dan buku Kaum Muda dibawa masuk ke Neger-Negeri Melayu.
4. Mengenakan hukuman yang berat kepada sesiapa yang mencetak tulisan berhubung agama Islam tanpa kebenaran Sultan.
5. Meminta mufti atau pegawai yang dilantik oleh Sultan menapis segala tulisan berhubung agama Islam.

► Huraikan perkembangan Kesatuan Melayu Muda dalam memperjuang semangat nasionalisme di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

1. KMM ditubuhkan pada tahun 1939 yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob.
2. Matlamat penubuhan untuk menggalakkan perpaduan di kalangan pemuda Melayu di seluruh Semenanjung.
3. Meningkatkan tahap pendidikan di kalangan orang Melayu.
4. Menubuhkan negara Melayu Raya atau Indonesia Raya dengan bergabung bersama Indonesia untuk mencapai kemerdekaan.
5. KMM bekerjasama dengan Jepun pada akhir tahun 1940 untuk menghalau British dari Tanah Melayu.
6. Menjadikan KMM badan propaganda Jepun. KMM membeli Warta Malaya untuk dijadikan alat propaganda anti-British, dan mengelilingi Tanah Melayu untuk mencari sokongan.
7. KMM menubuhkan cawangan diseluruh Tanah Melayu bagi meluaskan propaganda menentang British.
8. Maahad Il Ihya Assyariff, di Gunung Semanggol menjadi penyokong KMM dengan menyediakan kader-kader dikenali tentera semut untuk menentang British.
9. Ibrahim Haji Yaakob dan Ishak Haji Muhammad, dan 150 orang penyokong KMM ditangkap oleh British pada akhir tahun 1941 dan dipenjarakan di Changi, Singapura.

► Nyatakan pertubuhan-pertubuhan yang menentang ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu di antara tahun 1941 hingga 1945.

1. MPAJA- Parti Komunis Malaya mengadakan penentangan melalui gerakan bawah tanah dengan bantuan senjata oleh pihak British.
2. Gerila- Mereka bekerjasama menjalankan perang gerila terhadap Jepun.
3. Bintang tiga- Pasukan bintang Tiga juga ditubuhkan dengan ahlinya terdiri daripada tiga kaum penting di Tanah Melayu, iaitu Melayu, Cina dan India menentang Jepun secara gerila.
4. Force 136- Di kalangan orang Melayu pula ditubuhkan Force 136 keanggotaan terdiri daripada pegawai-pegawai tadbir Melayu yang bekerjasama dengan tentera British,bergerak secara gerila di hutan dan aktif di Kedah,Johor dan Pahang.
5. Wataniah-Pasukan Wataniah Pahang adalah pasukan sukarela menentang Jepun terdiri daripada guru,pegawai tadbir kerajaan dan orang kampung yang sedar tentang penindasan Jepun.

TIDAK MENGIKUT BAB.....

Kepentingan bahasa Sanskrit kepada masyarakat awal di Asia Tenggara

F1 Untuk merekodkan ilmu pengetahuan

F2 Meningkatkan pencapaian bidang intelek masyarakat

F3 Batu bersurat yang dijumpai mengandungi maklumat

F4 Tentang agama / Batu bersurat Sungai Mas (Kedah Tua) berkaitan dengan agama Buddha

F5 Pemerintahan raja / batu bersurat di Kutei menjelaskan keturunan raja dan undang-undang

F6 memperlihatkan kemahiran asas yang tinggi untuk memahat tulisan pada batu bersurat contohnya inskripsi di Palembang

F7 menunjukkan arahan dan pemberitahuan pemerintah kepada rakyat dalam batu bersurat di Lembah Bujang

F8 bahasa keagamaan dalam penulisan kitab dan buku agama

F9 bacaan mentera / upacara keagamaan

F10 perkayakan perbendaharaan kata bahasa Melayu seperti dosa / duka / derhaka / manusia / pahala / rupa / sengsara

F11 bahasa ilmu dan komunikasi kerajaan awal

F12 pengaruh dalam kesusasteraan seperti epik Ramayana dan Mahabrata serta Puranas

F13 pengaruhnya dalam puisi dan prosa Jawa contohnya Negarakertagama, Sutasoma, Arjunwihaha, Kunjarkarma

F14 Penceritaan lisan dan wayang kulit

F15 Mahabharata lahir unsur yang diadun dengan unsur tempatan Hikayat Pendawa Lima, Hikayat Seri Rama

F16 Untuk menulis di batu-batu bersurat / candi / monumen

Kesan kedatangan Islam terhadap Islam terhadap sistem pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara (KBKK)/Kedatangan Islam memantapkan sistem pentadbiran

F1 Gelaran raja ditukar kepada gelaran sultan

F2 Mufti/kadi menjadi penasihat sultan

F3 Undang-undang manu ditukar kepada undang-undang syarak/Islam

- F4 Sultan dianggap khalifah Allah di mukabumi/Khalifatul mukminin/Zilullah fil Alam
- F5 Pemansuhan unsur mitos dan legenda
- F6 Penggunaan unsur daulat dan derhaka
- F7 Semangat jihad untuk mempertahankan negara
- F8 Islam sebagai agama rasmi kerajaan
- F9 Penggunaan pada negeri-negeri /Kedah Darul Aman/ Aceh Darus Salam
- F10 Istana menjadi pusat perkembangan dakwah Islam

Terangkan perkembangan sistem pendidikan Zaman Vedik tamadun India***

- F1 Pendidikan peringkat keagamaan
 - H1a Teras pendidikan agama Hindu
 - H1b Pendidikan didominasi kaum lelaki
 - H1c Golongan wanita tidak berpeluang mendapat pendidikan
- F2 Pendidikan tertumpu kepada pembelajaran Kitab-kitab Veda
 - H2a Bahasa Sanskrit merupakan medium pengajaran penting
 - H2b Kaedah hafalan digunakan untuk mendalami Kitab Veda
- F3 Pendidikan sebagai persediaan manusia hadapi hari selepas mati
 - H3a Tumpuan pendidikan ialah agama Hindu /Buddha
 - H3b Segala hukum agama harus dipelajari
 - H3c Mereka hidup sempurna dengan nilai-nilai murni yang diajar agama
- F4 Pendidikan tinggi di Kolej Brahman selepas tahun 100 S.M
 - H4a Pendidikan diberikan di istana / di rumah pada peringkat awal
 - H4b Muncul universiti agama Buddha, iaitu Nalanda
- F5 Untuk mencapai taraf Brahmin berpendidikan
 - H5a Perlu menghafal perbagai buku agama/ Veda
 - H5b Veda mengandungi peraturan ritual/ mantera/ lagu-lagu agama
 - H5c Pelajar juga belajar karya saintifik/ falsafah
- F6 Pendidikan juga untuk meningkatkan ilmu sains
 - H6a Menambahkan ilmu pengetahuan
 - H6b Mengatasi buta huruf
 - H6b Memperoleh jawatan dalam pemerintahan

Pada pandangan anda , Apakah kepentingan bidang berikut kepada negara kita?

i. Pendidikan

- F1 Melahirkan masyarakat yang berilmu berpengetahuan
- F2 Melahirkan modal insan berilmu
- F3 Memaju negara/ Membangunkan negara
- F4 Mengukuh perpaduan rakyat
- F5 Mampu menghadapi cabaran globalisasi
- F6 Menjadikan rakyat celik huruf/Menghapuskan kadar buta huruf
- F7 Meningkatkan penghormatan negara luar terhadap negara kita
- F8 Meningkatkan taraf hidup rakyat

ii. Pertanian

- F1 Menyediakan sumber makanan negara

- F2 Mengurangkan kawasan tanah terbiar
- F3 Menjana sumber pendapatan
- F4 Menyumbang modal kepada rakyat untuk perkembangan industri
- F5 Mengelak pengangguran di kawasan luar bandar
- F6 Pertanian sebagai perniagaan
- F7 Mengurangkan import bekalan makanan dari luar
- F8 Menjimatkan kos mengimport bekalan makanan luar negara

Jelaskan perkembangan Pendidikan dalam Tamadun Yunani***

F1

H1a Pendidikan di Athens

Untuk melahirkan manusia yang seimbang

H1b Jasmani dan rohani

H1c Manusia yang mampu memenuhi tuntutan fizikal dan mental

H1d Mampu memberi sumbangan kepada kesejahteraan manusia

H1e Tumpuan pengajaran kepada pendidikan /sukan/muzik/kesusasteraan/seni berpidato/membaca/menghafal/menulis

F2

H2a Pendidikan di Sparta

bertujuan melahirkan warganegara gagah

H2b Sempurna/setia kepada negara

H2c Tumpuan kepada latihan fizikal

H2d Mahir menggunakan senjata

F3 Perkembangan sekolah falsafah

H3a Di negara kota Athens/Thebes/Elea/Miletus

H3b Athens dikenali sebagai pusat cendekiawan Yunani

H3c Semasa pemerintahan Pericles

H3d Melahirkan sejarawan Yunani

C3d Herodotus/Thucydides

H3e Pemikir dalam bidang sains dan teknologi

(a) Nyatakan pusat pendidikan dalam tamadun Yunani.***

F1 Athens

F2 Thebes

F3 Elea

F4 Miletus

F5 Sparta

(b) Berikan aspek yang diberi penekanan dalam bidang pendidikan di Yunani.***

F1 Sukan

F2 Muzik

F3 Kesusasteraan

F4 Seni berpidato

F5 Membaca

F6 Menghafal

- F7 Menulis
- F8 Falsafah
- F9 Latihan fizikal/Latihan ketenteraan

(c) Nyatakan tujuan pendidikan di Yunani.***

- F1 Melahirkan manusia seimbang dari sudut rohani dan jasmani
- F2 Meningkatkan tahap intelek
- F3 Melahirkan warganegara tentera yang gagah/sempurna
- F4 Melahirkan warganegara yang setia kepada negara kota
- F5 Mahir menggunakan senjata
- F6 Melahirkan manusia yang cemerlang
- F7 Manusia yang dapat memenuhi tuntutan mental dan fizikal

(d) Jelaskan kesan kemajuan pendidikan kepada peningkatan tamadun Yunani.***

- F1 Athens menjadi pusat cendekiawan Yunani
- F2 Kemunculan banyak sekolah falsafah
- F3 Melahirkan ramai ahli sejarawan
- F4 Lahir ramai pemikir dalam bidang sains/teknologi
- F5 Penulisan karya sejarah saintifik
- M-Mana-mana yang munasabah

(e) Pada pandangan anda, mengapakah bidang pendidikan penting kepada kemajuan sesebuah negara?***

- F1 Melahirkan manusia yang mampu bersaing
- F2 Meningkatkan tahap kemajuan diri
- F3 Membantu kemajuan negara
- F4 Melahirkan masyarakat berilmu
- F5 Mengurangkan kadar buta huruf/meningkatkan kadar celik huruf
- F6 Mampu bertindak secara rasional
- F7 Melahirkan rakyat yang setia Negara

Pada pandangan anda, bagaimanakah Dasar Pelajaran Kebangsaan mampu mengukuhkan perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia? KBKK

- F1 Penggunaan sukatan pelajaran sama
- F2 Bahasa pengantar sama
- F3 Sistem persekolahan yang sama
- F4 Pelajar melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum
- F5 Penerapan nilai-nilai murni
- F6 Pengenalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- F7 Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan
- F8 Konsep sekolah wawasan
- F9 Pendidikan moral

Apakah yang dimaksudkan dengan blok dunia ?

- F1 Negara yang sehaluan bersatu
- F2 Negara yang bertindak bersama-sama untuk kepentingan ahli

F3 Negara ini tampil dalam pelbagai bentuk sama ada berdasarkan aspek politik/ ekonomi/ geografi

Mengapakah terbentuknya blok dunia ?

- F1 Perbezaan ideologi dan fahaman politik
- F2 Persaingan antara blok kapitalis (Amerika) dengan blok komunis (Soviet Union)
- F3 Kedua-dua blok berusaha membuktikan kekuatan
- F4 Ingin menjaga kepentingan masing-masing

Jelaskan ciri-ciri Blok Dunia berikut selepas tamat Perang Dunia Kedua.***
Blok Kapitalis

- F1 Blok kapitalis merupakan negara demokratik
- F2 Kerajaannya dipilih melalui pilihan raya
- F3 Blok kapitalis memberi peluang perniagaan persendirian
- F4 Blok kapitalis juga memberi peluang pemilikan persendirian
- F5 Blok kapitalis menganjurkan kebebasan individu sepenuhnya

Blok Komunis

- F1 Blok komunis diperintah oleh diktator
- F2 Hanya Parti Komunis sahaja yang diiktiraf
- F3 Bagi blok komunis perniagaan dimiliki oleh kerajaan
- F4 Kerajaan komunis sahaja menguruskan perniagaan
- F5 Blok komunis melindungi / mengawal kebebasan individu

Jelaskan perkembangan perkembangan politik berikut selepas tamatnya Perang Dunia Kedua.

Blok Dunia****

- F1 Kebuntuan dalam rundingan penyelesaian Perang Dunia Kedua
- H1a Menimbulkan bibit perpecahan
- H1b Blok dunia merupakan Negara-negara yang sehaluan
- H2a Bertindak secara bersama
- H2b Menjaga kepentingan ahli
- H2c Tampil dalam pelbagai bentuk
- H2d Sama berdasarkan aspek politik/ekonomi /geografi
- H2e Terbentuk semasa Perang Dingin berasaskan geopolitik

Perang Dingin****

- F1 Berlaku disebabkan perbezaan ideologi/fahaman politik
- H1a Persaingan kuasa antara berlaku blok kapitalis dengan blok komunis
- H1b Blok kapitalis diketuai oleh Amerika Syarikat
- H1c Blok Komunis diketuai oleh Soviet Union
- F2 Tidak berlaku sebarang konflik bersenjata secara langsung

- H2a Bersaing membuktikan kekuatan
- H2b Bersaing untuk menyebarkan pengaruh
- H2c Memajukan kepentingan masing-masing di Eropah/ Asia
- H2d Melalui propaganda/bantuan ekonomi/bantuan ketenteraan
- F3 Negara Dunia ketiga mengamalkan sikap berkecuali
- H3a Kedua-dua blok berusaha mempengaruhi pegangan Negara-negara Dunia Ketiga
- H3b Tawaran bantuan pertahanan/ekonomi
- H3c Negara Dunia Ketiga menjadi rebutan dua kuasa besar/ Rebutan Amerika Syarikat/Soviet Union/China
- F4 Penubuhan NATO/Pakatan Warsaw/SEATO(South East Asia Treaty Organisation)
- H4a Berlaku perlumbaan senjata

Apakah kesan daripada Perang Dingin?****

- F1 Pembentukan blok dunia
- F2 Yang terbahagi kepada blok kapitalis dan blok komunis
- F3 Penubuhan NATO
- F4 Penubuhan pakatan WARSAW
- F5 Pembentukan Pertubuhan Perjanjian Asia Tenggara (South-East Asia Treaty Organization / SEATO)
- F6 Berlaku perlumbaan senjata
- F7 Negara Dunia Ketiga membina identiti sendiri
- F8 Negara Dunia Ketiga tidak memihak kepada mana-mana blok